

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 07 OKTOBER 2013 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Perkasa keselamatan siber	Utusan Malaysia
2.	Guru antara pemenang Kuiz Aplikasi Satelit 2013 siri III	Utusan Malaysia
3.	More KR1M outlets for Selangor	New Straits Times

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA) : MUKA SURAT 18
TARIKH : 07 OKTOBER 2013 (ISNIN)

(MegaSains)

Perkasa keselamatan siber

Malaysia negara keenam paling berisiko diancam malware

Oleh MASZUREEN HADZMAN

MALAYSIA berada dalam kedudukan negara keenam di dunia paling berisiko terdedah kepada kadar pendedahan ancaman (TER), iaitu peratusan komputer peribadi yang mengalami serangan *malware*, sama ada berjaya atau gagal, dalam tempoh tiga bulan kebelakangan.

Laporan tersebut telah dikeluarkan oleh firma pemaju keselamatan teknologi maklumat (IT), Sophos, berdasarkan pendedahan terhadap ancaman *malware*, bukannya berkenaan ancaman siber.

Mengulas perkara tersebut, Pengerusi CyberSecurity Malaysia, Tan Sri Mohd. Azumi Mohamed bagaimanapun berkata, ancaman *malware* juga merupakan sebahagian daripada cabaran keselamatan siber masa kini.

"Serangan serta evolusi *malware* memberi gambaran tentang keadaan landskap ancaman siber pada masa hadapan yang sudah tentu akan sentiasa berlaku," katanya.

Jelasnya, cabaran sebegini menggalakkan pihak CyberSecurity Malaysia untuk terus berinovasi dalam pendekatan serta usaha memperkasakan keselamatan siber.

Menyedari kepentingan mempunyai persekitaran siber yang berdaya tahan dan selamat, kerajaan turut merancang beberapa pendekatan keselamatan siber yang sedang dilaksanakan.

Antara pendekatan yang dilaksanakan ialah Dasar Keselamatan Siber Negara (NCSP) bertujuan untuk membangunkan dan mewujudkan program yang komprehensif yang memastikan keberkesanan kawalan keselamatan siber ke atas prasarana maklumat kritikal Negara.

"Di peringkat strategik, kerajaan telah menyediakan NCSP yang memberi tumpuan terhadap peningkatan daya tahan Prasarana Maklumat Kritis Negara kita (CNII) bagi menangani ancaman siber, dan pada masa yang sama memaksimumkan manfaat ekonomi



DR. AMIRUDIN Abdul Wahab memberi penerangan dan pembentangan mengenai fungsi CyberSecurity Malaysia kepada wakil media, di Seri Kembangan baru-baru ini.

digital negara dan serantau.

"Kemudian, di peringkat industri atau komersial, kami menggalakkan kerjasama kerajaan-swasta seperti mengadakan kerjasama dengan Microsoft Corp. dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dengan objektif utama untuk mengurangkan peratusan komputer peribadi (PC) di Malaysia yang mengalami serangan *malware* dengan mendidik pengeluar PC dan pengguna," katanya.

Selain itu, langkah menguatkuasakan undang-undang ke atas peruncit dan peniaga yang menipu pengguna dengan menjual PC dengan perisian cetak rompak yang dijangkiti *malware* juga penting bagi membendung ancaman *malware*.

Ini kerana, perisian cetak rompak adalah salah satu punca jangkitan *malware* dan juga digunakan sebagai agen penyebaran jangkitan masalah tersebut.

Jelas Mohd. Azumi, pihaknya turut melaksanakan program mendidik dan membina kesedaran masyarakat melalui

program Cyber Security Awareness For Everyone atau CyberSAFE.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia, Dr. Amirudin Abdul Wahab berkata, pihaknya tidak mempunyai akta khas untuk

melaksanakan penguatkuasaan berhubung kegiatan jenayah siber.

Jelasnya, CyberSecurity hanya mempunyai kepakaran bagi membantu kerajaan mengesan atau memantau aktiviti alam siber.

"Tugas kita (CyberSecurity) adalah membantu pihak berkuasa seperti polis dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) berhubung jenayah siber.



MOHD. AZUMI MOHAMED

"Kami tidak mempunyai sebarang akta untuk penguatkuasaan," katanya ketika s memberi taklimat sempena lawatan wakil media ke agensi tersebut, baru-baru ini.

Menurut beliau, pihaknya bertindak berdasarkan laporan yang diterima daripada pengadu berhubung jenayah siber.

Beliau berkata, laporan itu diterima daripada pihak polis atau SKMM mahupun menerusi talian Cyber999 milik CyberSecurity.

Dr Amirudin berkata, pihaknya sudah menerima sebanyak 46,000 kes sejak 1997 sehingga Ogos 2013 yang membabitkan jenayah siber dengan kes penipuan, pencerobohan akaun pengguna siber dan selebihnya lain-lain kes.

Beliau percaya masih ramai lagi pengguna siber yang menjadi mangsa tetapi enggan tampil untuk membuat laporan.

Jumlah tertinggi yang dilaporkan pada 2011 sebanyak 15,218 kes berbanding 2012 iaitu 9,986 manakala 2013 sebanyak 7,753 kes yang dilaporkan.

Ditanya mengenai jumlah laporan yang tidak stabil, beliau menjelaskan ia bergantung kepada bilangan laporan diterima daripada pihak berwajib seperti polis, SKMM dan agensi keselamatan siber itu.

"Mungkin apabila masyarakat telah mempunyai kesedaran mengenai keselamatan siber ini maka ramai akan tampil membuat laporan," katanya.

CyberSecurity Malaysia merupakan pusat pakar keselamatan siber kebangsaan yang bertanggungjawab membantu memantau dan menghalang kegiatan jenayah siber di negara ini di bawah kawal selia Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Sepanjang lawatan itu juga, media diberi taklimat mengenai fungsi dan peranan CyberSecurity Malaysia, isu serta cabaran di alam siber yang dihadapi warga digital di Malaysia.

Pada majlis tersebut agensi terbabit mengumumkan akan memperkenalkan Anugerah Media CyberSecurity Malaysia yang penilaianya bermula 1 Oktober lalu sehingga tahun hadapan.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA) : MUKA SURAT 11
TARIKH : 07 OKTOBER 2013 (ISNIN)

Guru antara pemenang Kuiz Aplikasi Satelit 2013 Siri III

TIGA pemenang Kuiz Aplikasi Satelit 2013 Siri III anjuran Astronautic Technology (M) Sdn. Bhd. (ATSB) bersama akhbar sisipan *MEGA*, *Utusan Malaysia* diumumkan baru-baru ini.

Artikel Siri III mengenai kegunaan teknologi peranan industri satelit dalam pembangunan negara kelihatan mudah untuk difahami.

Kedua-dua pengajur telah memilih tiga pemenang bertuah yang mana cabutan telah diadakan di ibu pejabat ATSB di Shah Alam baru-baru ini dan disempurnakan oleh Naib Presiden Kanan dan Ketua Pegawai Teknikal ATSB, Norhizam Hamzah.

Norhizam berkata, jumlah penyertaan yang semakin menggalakkan menunjukkan ramai ingin mengetahui mengenai teknologi atau aplikasi satelit.

"ATSB gembira dengan peningkatan bilangan borang penyertaan peraduan yang diterima," ujarnya.

ATS juga berharap penyertaan pembaca dapat memberi manfaat kepada mereka memahami aplikasi satelit dan sains angkasa secara umumnya sejajar dengan objektif pengajuran kuiz tersebut diadakan.

Seperti mana Siri II, penyertaan yang diterima kali ini terdiri daripada pelbagai golongan dan latar belakang dan ketiga-tiga pemenang kali layak menerima baucer Sijil Simpanan Premium (BSN) daripada ATSB.



ATSB akan menghubungi sendiri dan menghantar hadiah kepada pemenang yang telah disenaraikan itu.

Peraduan akan diteruskan untuk siri IV pada 14 Oktober 2013.

Pembaca setia *MEGA Utusan Malaysia* yang berminat boleh menyertainya dengan menjawab dua soalan mudah.

Soalan berdasarkan artikel yang disiarkan pada hari Isnin setiap dua minggu. Mereka diwajibkan menjawab menggunakan borang asal yang disiarkan dalam akhbar sisipan tersebut.

Kuiz terbahagi kepada dua kategori iaitu soalan dwimingguan yang mengandungi dua soalan objektif dan juga soalan terkumpul yang mana jawapannya berserta slogan perlu dihantarkan selepas berakhirnya Siri VI.

Soalan terkumpul juga adalah mengikut artikel yang sama dengan soalan dwiminggaun tetapi jawapan perlu dihantarkan bersama borang khas yang akan disediakan dan disertakan dengan slogan untuk dinilai.

Oleh itu mereka perlu menyimpan soalan-soalan terkumpul sebagai rujukan yang disiarkan bersama soalan dwiminggaun.

Pemenang kategori soalan dwiminggaun dipilih secara rawak berdasarkan jawapan yang betul.

Maklumat lanjut mengenai kuiz tersebut boleh juga diperoleh daripada laman web www.atsb.my dan *utusan* on line (www.utusan.com.my)



NORHIZAM Hamzah menunjukkan sebahagian borang penyertaan kuiz yang diterima di ibu pejabat ATSB, Shah Alam.

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS) : MUKA SURAT 18
TARIKH : 07 OKTOBER 2013 (ISNIN)

PRIME NEWS

More KRIM outlets for Selangor

GOOD FEEDBACK: Plans for at least one shop in state's 22 parliamentary constituencies

EUNICE AU
SHAH ALAM
euniceau@NST.com.my

THIE Domestic Trade, Cooperatives and Consumerism Ministry plans to set up at least one Kedai Rakyat 1Malaysia (KRIM) in each of Selangor's 22 parliamentary constituencies.

Its minister, Datuk Hasan Malek, said he would ensure this plan was followed through as it was what the people wanted.

"Reception for KRIM has been positive and reduces the burden of

the people," he said after attending a consumer awareness campaign at Sirim Berhad in Section 2 here yesterday.

He said, however, KRIM was not as successful in Sabah and Sarawak because of logistical problems, such as difficulties in transporting goods into rural areas.

On whether foreigners should be allowed to benefit from the subsidised prices of KRIM goods, Hasan said Malaysians, who were a generous lot, who should allow this.

However, he said, if the ministry



Minister Datuk Hasan Malek (right) meeting visitors at a consumer awareness campaign at Sirim Berhad in Shah Alam yesterday. Pic by Intan Nur Elliana Zakaria

received complaints against this, he would bring up the matter to the cabinet.

On a different matter, Hasan said the ministry was in the process of upgrading Maktab Koperasi Malaysia, also known as Maktab Kerjasama Malaysia, from college

to university college status.

He said this was because the college, established in 1956, needed to transform its operations.

"A committee has been set up to ensure the college fulfils all criteria and requirements to achieve university college status.

"The college will also need RM15 million to do so," he said, adding the process to upgrade the college's status began early this year.

For consumer complaints, Hasan urged the public to contact the ministry's hotline at 1800-88-6800.